

**PERANAN KAEDAH MURA'AH AL-KHILAF TERHADAP PENYERAGAMAN
FATWA DI JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS**
(THE ROLE OF MURA'AH AL-KHILAF METHOD ON THE STANDARDISATION
OF FATWA IN THE DEPARTMENT OF THE STATE MUFTI OF PERLIS)

Fathullah Asni (corresponding author)

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

Email: fathullah@kuips.edu.my

Muhamad Rozaimi Ramle

*Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
(UPSI)*

Email: rozaimi@fsk.upsi.edu.my

Afiffudin Mohammed Noor

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM),
Arau*

Email: afiffudin@uitm.edu.my

Muhamad Husni Hasbullah

Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

Email: husni@kuips.edu.my

ABSTRACT

The concepts of fatwa and ijthihad allow everyone to issue ijthihad. It is supported by the method of fiqh, whereby an 'ijthihad cannot invalidate another ijthihad'. This has a significant effect as when many parties issue fatwas, there will be many different fatwas on the same issue that can result in the emergence of fatwas that are non-Shariah-compliant, dangerous, and misguided, which can disrupt harmony in the society. Therefore, this study would like to propose an approach known as the mura'ah al-khilaf method, in resolving the fatwas issued by various parties, especially in the state of Perlis, through the role of the Perlis State Mufti Department. This study's methodology is qualitative, in which the data are collected through library research and field studies. The library research was conducted by examining books, articles, statutes, and related circulars. From the practical aspect, field studies were conducted using an unstructured interview method with two interviewees from the Perlis State Mufti Department. The results showed that the mura'ah al-khilaf method has a significant role in supporting the role of the mufti department as the main reference by all state government bodies and the public in matters of fatwa and religion of Islam. The results also

found that the mufti department has a strong fatwa committee composition and fatwa issuance method. Findings revealed that there is legal control over the issuance of fatwas and religious guidelines, which are not to be abused by any parties.

Keywords: Fatwa, Standardisation, Perlis Mufti Department, Mura'ah Al-Khilaf, Religious Practices

PENDAHULUAN

Berdasarkan kepada konsep *ijtihad* dan fatwa, seseorang itu boleh untuk melakukan *ijtihad* atau fatwa sekiranya dia mempunyai kelayakan tertentu seperti memahami rukun-rukun *istinbat* dalam hukum syarak. Konsep umum ini membenarkan ramai pihak untuk melakukan *ijtihad* dan fatwa. Tambahan pula terdapat kaedah fiqh yang bermaksud, “*ijtihad tidak boleh membatalkan ijtihad yang lain*” menyebabkan sebahagian pihak berpendirian untuk mengeluarkan fatwa sendiri tanpa perlu taklid atau mengikut fatwa daripada pihak lain. Hal ini boleh membawa permasalahan dan kepincangan yang besar kerana tidak semua orang mampu mengeluarkan fatwa dengan baik melalui sumber-sumber syarak yang sah. Justeru, ia akan menyebabkan ramai pihak mengeluarkan fatwa yang bertentangan di antara satu sama lain sehingga menyebabkan lahirnya fatwa-fatwa yang tidak tepat atau syaz dari sudut syarak (Asni, 2021).

Berdasarkan permasalahan tersebut, pihak pemerintah di negeri Perlis telah menubuhkan Jabatan Mufti Negeri Perlis yang bertanggungjawab penuh dalam menjaga hal ehwal fatwa. Hal ini sesuai dengan undang-undang yang menyatakan bahawa hal ehwal agama Islam diuruskan oleh negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri. Oleh itu, dari sudut perbahasan syarak, timbul persoalan adakah individu yang dirasakan berkelayakan untuk mengeluarkan fatwa boleh mengikut atau meraikan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis? Permasalahan dan persoalan ini akan dibahas dalam artikel ini.

SOROTAN KAJIAN

KONSEP FATWA DAN IJTIHAD DALAM USUL AL-FIQH

Ilmu *Usul al-Fiqh* merupakan intipati utama dalam kaedah berfatwa yang menjadi prasyarat utama bagi kelayakan seseorang mufti. Fatwa adalah satu pandangan atau keputusan sama ada peribadi atau yang dihasilkan oleh sekumpulan *mujtahid* ke atas sesuatu hukum syarak. Ketepatan sesuatu fatwa amat bergantung kepada kaedah pendalilan yang digunapakai dan keselariannya dengan *maqasid al-syariah*. Menurut Abu al-Hasan al-Basri (al-Jawziyyah, 1973), al-Ghazali (1997), al-Syirazi (1985), al-Amidi (2003), Ibnu Qayyim (1973) dan al-Syaukani (1999), mufti adalah *mujtahid* iaitu seorang yang mampu melakukan *ijtihad* dan *istinbat* hukum (al-Qayyim, 1973; al-Raisuni, 2014). Justeru, mufti dan *mujtahid* adalah sama secara umumnya, cuma berbeza dari segi punca berlakunya iaitu fatwa dikeluarkan untuk menjawab persoalan atau sesuatu masalah yang sudah berlaku, sedangkan *ijtihad* tidak terikat dengan syarat tersebut (al-Qasimi, 1406H; al-Asyqar, 2008; Yusli, et al., 2021).

Namun pun begitu, pihak mufti boleh juga bertindak secara proaktif dalam menangani sesuatu persoalan dengan mengarahkan penyelidikan hukum yang tertentu walaupun tidak terdapat permohonan fatwa sebagai langkah persediaan (Wan Abd. Rahman Khudzri, 2006). Berdasarkan hal ini, ada sebahagian ulama yang tidak membezakan antara fungsi mufti dan *mujtahid* kerana masing-masing mampu mengeluarkan hukum sama ada kerana wujudnya pertanyaan atau tidak (al-Syatibi, 1997). Manakala maksud *ijtihad*, al-Syaukani mendefinisikannya sebagai mengerahkan kemampuan untuk mendapatkan hukum syarak yang bersifat menyeluruh dengan mengikut kaedah *istinbat* (pengambilan dalil) yang tepat (al-Syaukani, 1999). Manakala al-Amidi mendefinisikan *ijtihad* sebagai mencurahkan segala kemampuan untuk memahami hukum syarak yang bersifat *zanni*, sehingga merasakan dirinya tidak mampu untuk mencari lebih lagi daripada itu (al-Amidi, 2003). Berasaskan ini, al-Ghazali (1997) menjadikan batasan segala kemampuan sebagai bahagian daripada definisi *al-ijtihad al-tam* (*ijtihad* sempurna). Justeru, *ijtihad* boleh difahami sebagai usaha seorang *mujtahid*

yang memaksimumkan seluruh upayanya dari segi mental dan intelektual untuk mengkaji serta memahami hukum syarak. Ia adalah usaha yang akhirnya menghasil dapatan atau keputusan daripada *ijtihad* tersebut yang kemudiannya dinamakan fatwa. Justeru, fatwa adalah merupakan hasil kepada *ijtihad*.

Sesuatu fatwa yang diputuskan oleh seseorang *mujtahid* kadangkala sama dengan pandangan *mujtahid* yang lain, dan kadangkala berbeza. Ini kerana ia adalah hasil intelektual seseorang *mujtahid* tanpa dipengaruhi oleh *mujtahid* yang lain. Oleh kerana itu, *ijtihad* seorang *mujtahid* tidak boleh dibatalkan oleh *mujtahid* yang lain (Asni & Sulong, 2021).

MERAI PERSELISIHAN (*MURA'AH AL-KHILAF*) DALAM BERFATWA

Berdasarkan konsep keterbukaan *ijtihad* dan fatwa dalam kalangan *mujtahid* sebagaimana perbincangan di atas, maka kebarangkalian berlaku perbezaan pandangan tidak dapat dielakkan. Dalam hal ini, para *fuqaha'* sewajarnya bersikap terbuka dalam menghadapinya. Menurut *fuqaha'* Mazhab Maliki, adab atau kaedah meraikan perselisihan (*mura'ah al-khilaf*) ini sebagai menghormati pendapat *mujtahid* yang lain di mana pandangan tersebut dikeluarkan setelah usaha yang sungguh-sungguh dilakukan (Sayyid Muhammad Musa, t.t.).

Perkataan *mura'ah al-khilaf* berasal daripada dua patah perkataan iaitu “*al-mura'ah*” dan “*al-khilaf*”. Perkataan *al-mura'ah* daripada segi bahasa ialah memelihara (*al-hifzu*) dan bersifat tolak ansur (*al-rifq*) (Manzur, t.t.). Manakala perkataan *al-khilaf* dari segi bahasa ialah tidak ada persepakatan atau persetujuan, dan berselisih tentang sesuatu perkara (bin Manzur, t.t.). Manakala maksud *al-khilaf* dari segi istilah pula ialah tidak wujud kesepakatan pandangan dalam kalangan orang yang berilmu ke atas sesuatu isu di mana setiap orang berpegang dengan pandangan masing-masing (Shaqrin, 2002).

Manakala perkataan *mura'ah al-khilaf* daripada sudut istilah mempunyai beberapa maksud dan pelaksanaan. Al-Risa' (1993) mendefinisikannya sebagai mengutamakan hujah dan pendapat mujtahid lain berbanding hujah dan pendapatnya. Ini berdasarkan bahawa sesuatu pandangan yang dikeluarkan turut dipengaruhi oleh kekuatan dalil yang dipegang, kesesuaiannya dengan isu dan juga ketepatan dengan keadaan semasa. Maka dalam hal ini, pandangan-pandangan daripada *mujtahid* lain perlu diambil kira. Ibnu Abd al-Salam mendefinisikannya sebagai memberikan setiap satu daripada dalil-dalil hukumnya serta mengutamakan pendapat yang berselisih (al-Manjur, t.t.). Manakala menurut Ibnu 'Urfah, mengamalkan dalil pada kebiasaan dalil yang diamalkannya dan dalam keadaan yang lain, menggunakan dalil yang lain (al-Risa', 1993; al-Laqqani, 1992; al-Tusuli, 1998; Ahmad bin Yahya, 1995). Kedudukan menghormati perbezaan ini adalah disebabkan fatwa atau pendapat *mujtahid* yang berbeza adalah didapati lebih kuat dari sudut dalil dan *masalahnya*.

Seterusnya al-Syatibi (1997) menjelaskan *mura'ah al-khilaf* sebagai keadaan di mana sebelum berlaku *khilaf*, seorang mujtahid adalah berpegang dengan pendapatnya. Selepas berlaku *khilaf*, ternyata pendapatnya adalah lemah (*marjuh*) untuk terus dipegang, maka perlu meraikan pendapat yang lain agar dapat mengangkat kemudharatan. Maka dalam hal ini perlu mengutamakan dalil yang berlawanan untuk mengelak daripada hal yang memudaratkan (al-Syatibi, 1997; al-Ansari, 2010).

Menurut al-Fahri (2001), kaedah *mura'ah al-khilaf* sebagaimana menurut al-Syatibi adalah menukar pandangan yang "tidak tepat" apabila berlaku perselisihan pandangan demi mencapai objektif syarak (*maqasid syari'ah*). Dalam erti kata lain ialah mengamalkan dalil pada kebiasaan dalil yang diamalkannya dan mengamalkan apa yang dilazimkannya dengan dalil yang lain kerana melihat faktor kesan (*maqasid syari'ah*) (al-Fahri, 2001; Jaddiyyah, 2010). Jelasnya, seorang *mujtahid* dibenarkan untuk keluar daripada kepompong mazhab dan pendapatnya dengan berpegang kepada pendapat-pendapat yang lain yang dirasakan lebih tepat (*rajih*) berdasarkan dalil-dalil yang dibincangkan (Jaddiyyah, 2010).

Aplikasi *mura'ah al-khilaf* dapat menyatukan umat Islam melalui adab menghormati pandangan mujtahid yang lain, dengan ini dapat mendekatkan jurang antara mazhab, meyeipitkan perbezaan (*khilaf*) dan menghapuskan kesukaran terhadap orang-orang Islam. Menurut al-Nadwi (2009), kaedah ini amat penting kerana kesannya dapat menimbulkan rasa hati-hati dalam beragama, memupuk kasih sayang dan mendatangkan *masalah* yang *rajih*. Mengulas hal ini, Ibnu Mas'ud menyatakan bahawa perselisihan adalah sesuatu yang buruk.

Konsep *mura'ah al-khilaf* adalah seperti *istihsan* di mana seorang mujtahid mengutamakan dalil daripada mujtahid yang lain (yang *khafi*) berbanding pendapatnya sendiri (yang *jalli*) kerana lebih dekat dengan tujuan syarak. Prinsip *mura'ah al-khilaf* ini juga selaras dengan *sadd al-dhara'i'* untuk mengelak daripada unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan (al-Qurtubi, t.t.). Al-Syatibi merasionalkannya sebagai metod mencapai *masalah* (kebaikan) dan menghilangkan *mafsadah* (kerosakan) (al-Syatibi, 1997). Penilaian yang lebih maslahat ini (*al-aslah*) adalah mengikut ukuran kesan sesuatu kejadian sama ada dalam jangkaan yang akan mengundang kemaslahatan atau menolak kemudaratan (Muhammad al-Amin, 2002).

Kedudukan ini selaras dengan teori *ma'alat al-af'al* iaitu melihat kepada kesudahan perbuatan atau tindakan sama ada selari dengan tujuan syarak atau tidak (al-Syatibi, 1997; Asni, 2020). Menurut Walid bin 'Ali al-Husain, *ma'alat al-af'al* ialah menghitung sama ada hukum yang diputuskan adalah menepati kehendak-kehendak syarak, dan bersesuaian dengan tujuan amalan itu disyariatkan (Walid, 2009; al-Ayubi, 2011). Jelasnya, kaedah *mura'ah al-khilaf* bukan sahaja melihat kepada dalil yang dirujuk, tetapi juga melihat pada kesan yang selari dengan *maqasid syari'ah* (Shaqrin, 2002). Pelaksanaan metod *istinbat* sebegini secara tidak langsung akan membawa kepada *talfiq* di mana seorang mujtahid melakukan *ijtihad tarjihi* dengan memilih pandangan yang lebih tepat (*arjah*). Dalam hal ini, *mujtahid* tidak hanya mengambil pendapat

daripada pandangan mazhabnya sahaja, malah boleh mengambil daripada mana-mana pandangan mazhab lain yang memiliki keputusan yang *arjah* tadi.

Dalam meraikan perbezaan pandangan dan memilih pandangan yang lebih tepat ini, *mujtahid* bukan sahaja mengetahui *maqasid syari'ah*, malah memahami *maqasid* ini daripada perspektif kedudukan hukum dan realiti semasa (*waqi'*), serta keutamaannya (*al-aulawiyat*) untuk dilaksanakan pada ketika itu. *Mujtahid* dalam menisbahkan masalah berdasarkan kesesuaian semasa, membezakan antara yang utama dari yang utama yang lain, serta dapat memberi pertimbangan yang tepat melalui *fiqh timbangtara* (*al-muwazanat*) (al-Qaradawi, 1996). Justeru, matlamat ini tidak boleh dicapai selagi mana *mujtahid* tidak melihat wujudnya persamaan *'illah* hukum dan hikmahnya. Oleh kerana itu, al-Juwaini (1997) menyatakan bahawa sesiapa yang tidak memahami objektif-objektif syarak ke atas suruhan dan larangan, maka ia tidak layak untuk menentukan hukum syarak.

Justeru pemahaman kepada *fiqh al-waqi'* dapat membantu *mujtahid* dalam meraikan perbezaan pandangan dengan anggapan sebahagian hukum-hakam akan berubah dengan perubahan zaman, tempat dan adat (*'urf*). Perubahan zaman akan menyebabkan perubahan pada keperluan dan keutamaan manusia sehingga boleh mengubahkan kepentingan (*daruriyyah*), keperluan (*hajiyyah*) dan keindahan (*tahsiniyyah*) (Zaidan, 2003). Walau bagaimanapun, kelonggaran ini tidaklah sehingga sesuatu *'urf* itu berlawanan dengan nas syarak (al-Ghazali, 1997). Ia mestilah *'urf* yang *sahih* yang diiktiraf oleh syarak (Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah, 1968; Nadwi, 2009; al-Zarqa', 1995).

KAEDAH MURA'AH AL-KHILAF DAN PENYERAGAMAN FATWA

Sejarah menunjukkan bahawa fanatik mazhab membawa kepada kemudaratan. Misalnya pada tahun 326 H, berlaku peperangan antara pengikut Mazhab Syafi'i, Maliki dan Hanafi di Masjid *al-Jami' al-'Atiq* di Mesir yang telah mengorbankan banyak nyawa (al-

Dusuqi, t.t.). Demikian juga berlaku di Asfahan, Baghdad pada tahun 414 H, 422 H, 447 H dan 1382 H di mana pergaduhan berlaku akibat perbezaan dalam isu mazhab akidah dan fiqh yang dipegang oleh masing-masing (al-Humawi, t.t.; Kathir, 1988; Majallah Risalah al-Islam, t.t.). Jelasnya, perbezaan dan ekstrem dalam bermazhab boleh membawa kepada mudarat kepada Islam dan penganutnya.

Justeru, keperluan kepada penyatuan pandangan dan penyeragamannya dalam kalangan ummah adalah sesuatu yang sangat penting. Secara tidak langsung, langkah penyatuan dan penyeragaman fatwa dapat mengelak sikap ekstrem, mewujudkan perpaduan dan kestabilan, malah memastikan undang-undang dapat dilaksanakan dengan konsisten dan adil. Daripada segi sejarah, usaha penyatuan dan meraikan perbezaan pandangan ini telah dilakukan oleh banyak pihak yang bermula sejak zaman Sahabat lagi seperti Ibnu Mas'ud menyatakan bahawa *khilaf* itu buruk sehingga beliau mengikut *ijtihad* Uthman (Khalifah ketika itu) dan meninggalkan *ijtihad*nya (Riwayat Abu Dawud, hadith, no. 1960).

Begitu juga Umar al-Khattab, yang menyatakan bahawa beliau berasa malu dengan Allah sekiranya berbeza pandangan dengan Abu Bakar, dan dalam hal tersebut Umar mengutamakan pandangan Abu Bakar (al-Qayyim, 1973). Menurut al-Sya'bi, mufti daripada para Sahabat sangat meraikan pandangan Sahabat yang sezaman dengannya seperti Abdullah bin Mas'ud meraikan pendapat Umar bin al-Khattab, Abu Musa meraikan pendapat Ali dan Zaid meraikan pendapat Ubay bin Ka'ab walaupun mereka semua mempunyai pandangan yang tersendiri." (al-Syaukani, 1396H)

Semangat yang sama berlaku pada zaman *tabi'in* dan *tabi' tabi'in* sehingga pandangan fuqaha' yang paling berautoriti pada sesuatu zaman diraikan bagi mengelak *khilaf*. Oleh kerana itu pada zaman Abbasiyyah, Setiausaha Negara iaitu 'Abd Allah Ibn al-Muqaffa' mencadangkan kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur agar mengangkat kitab *al-Muwatta'* karangan Malik supaya menjadi pandangan utama Kerajaan dan *ijtihad*nya digubal menjadi sebuah kod undang-undang yang seragam. Bagaimanapun,

cadangan ini tidak diterima oleh Malik (al-Anbari, 1987; Jasni Sulong, 2014; Muhamid, 2001). Demikian juga yang dihayatkan oleh Khalifah al-Mahdi dan Khalifah al-Rashid untuk menjadikan mazhab Maliki sebagai rujukan rasmi (Musa, 1983; al-Zahabi, 1985; al-Asbahani, 1996). Cadangan ini akhirnya diterima oleh Abu Yusof daripada mazhab Hanafi apabila kerajaan Harun al-Rashid telah melantik sebagai ketua hakim dan menjadikan kitab *al-Kharraj* karangannya sebagai rujukan (Jasni Sulong, 2014).

Selain itu, kerajaan Bani ‘Abbasiyyah memerintahkan al-Mawardi menulis kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah* untuk dijadikan rujukan rasmi (al-Mawardi, 1986; al-Muhamid, 2001). Dalam usaha mewujudkan kesatuan pandangan fekah, kerajaan Khadive Muhammad Ali Pasha yang memerintah kerajaan Uthmaniyyah pernah mengeluarkan perintah supaya hanya kadi atau mufti yang bermazhab Hanafi sahaja yang dibenarkan untuk mengeluarkan fatwa atau keputusan hukum dalam kes-kes yang berkaitan dengan undang-undang Islam (Jasni Sulong, 2014).

Usaha penyeragaman dan mewujudkan hanya satu pandangan fatwa sahaja untuk diamalkan dalam sesebuah negara tidak terhenti setakat itu. Dalam hal ini, para fuqaha’ dan pentadbir juga hendaklah memahami kaedah *istinbat* hukum syarak yang tepat dan seragam supaya hasil *ijtihad* akan membawa kepada keputusan yang sama. Justeru, ‘Abd al-Rahman bin Mahdi pernah mencadangkan kepada al-Syafi’i agar menulis kitab yang menerangkan metodologi pengeluaran hukum fiqh berasaskan dalil-dalil syarak iaitu al-Quran dan hadith, serta pemakaian dalil yang bersifat *qat’i*, *zanni*, *nasikh* dan *mansukh*. Penulisan ini bertujuan untuk menggariskan tatacara yang seragam dalam rujukan hukum syarak di mana hasilnya hukum yang bakal dicapai akan seragam dan konsisten (Jasni Sulong, 2014). Selain itu, penyeragaman juga digalakkan oleh para Imam mazhab yang empat dalam bentuk tersirat di mana kesemua mereka menyuruh agar mengutamakan kekuatan dalil ketika beramal dengan sesuatu hukum dan meninggalkan pendapat mereka sekiranya *marjuh* (lemah) (al-Syahid, 2005).

Dari sudut syarak diharuskan untuk menyatukan pendapat fiqh. Ini adalah pendapat ‘Abd al-‘Aziz bin Muhammad bin Ibrahim Ali al-Syeikh, Soleh bin Ghasin, Rasyid bin Khunain (al-Muhamid, 2001), Muhammad Mustafa al-Muraghi (2011), Abu Zahrah (al-Muhamid, 2001), Ali al-Khafif (al-Muhamid, 2001), Muhammad Makhluaf (al-Muhamid, 2001), ‘Abd al-Wahhab Hafiz (al-Muhamid, 2001), Muhammad Zaki ‘Abd al-Barr (al-Muhamid, 2001), Yusof al-Qaradawi (2011), ‘Abd al-Nasir Taufiq al-‘Atar (1993), Mustafa Ahmad al-Zarqa (1999), Wahbah al-Zuhaili (2014), Muhammad bin al-Hasan al-Hajawi al-Tha’alabi (2012) dan Abu al-A’la al-Mawdudi (al-Muhamid, 2001).

Mereka menyandarkan pendapat ini dengan hujah *maslahah* di mana ia dapat memudahkan para kadi dan masyarakat Islam dalam mengetahui hukum syarak (al-Barr 1986), mengurangkan kesilapan ketika berhukum (al-‘Atar, 1993), menyatukan fatwa negara dengan mengambil hukum yang paling *rajih* serta mengelak daripada keburukan akibat perselisihan (al-‘Atar, 1993). Penggunaan dalil *maslahah* ini tepat kerana ketiadaan dalil melarang (*mulghah*) ataupun menetapkan (*mu’tabar*), bahkan amat berfaedah untuk diaplikasikan dalam *al-siyasah al-syar’iyyah* di mana pentadbir telah menetapkan hukum hakam yang memudahkan urusan masyarakat serta wajib melaziminya (al-Muhamid, 2001). Penetapan kepada satu keputusan fatwa yang seragam adalah merupakan salah satu bidangkuasa pemerintah di bawah prinsip *siyasah al-syar’iyyah*. Apabila seseorang pemimpin sudah menetapkan sesuatu hukum, maka wajib melazimi dan taat terhadap hukum tersebut. Ketaatan ini berdasarkan kepada firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu.” (Al-Nisa’: 59)

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT menyuruh taat kepada *wali al-amr* sama ada ia disandarkan kepada para pemerintah atau kepada para ulama. Justeru, para *fuqaha*’ menetapkan hukum untuk dijadikan undang-undang, manakala para pemerintah

menguatkuasakan undang-undang tersebut serta wajib ditaati (al-Muhamid, 2001). Selain itu, ia disokong juga dengan firman Allah SWT yang bermaksud: “...*bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu* (Ali-Imran: 159).” Ini kerana, dengan bermesyuarat ia akan menghindarkan perselisihan yang ditegah dan kata sepakat dapat dicapai (al-Muhamid, 2001).

Demikian juga ditetapkan oleh sunnah Nabi SAW akan ketetapan mentaati pemimpin sebagaimana sabda Baginda SAW yang bermaksud; “*Dengarlah dan taatlah walaupun yang memerintah kamu adalah hamba abdi Habsyi*” (al-Bukhari, no. Hadis: 7142). Dalam hal ini, sekiranya berlaku *khilaf* maka diwajibkan bagi *fuqaha*’ lain dalam negara (*mura’ah al-khilaf*) mengikut fatwa rasmi yang telah diputuskan walaupun bersalahan dengan *ijtihadnya* (‘Abidin, 1386H). Paling tidak, sikap meraikan pandangan dalam fatwa rasmi ini akan melahirkan pelaksanaan hukum yang seragam, seterusnya dapat mewujudkan suasana yang adil yang menjadi tujuan Syarak sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Maksudnya, “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.*” (Al-Nisa’: 58)

Jelasnya, apa sahaja *wasilah* yang boleh membawa kepada keadilan dan kesatuan pandangan adalah wajib dilaksanakan sebagaimana kaedah *fiqh* menyebut, “sesuatu yang wajib tidak sempurna melainkan dengannya, maka ia juga akan menjadi wajib” (al-Subki, 1991).

Meskipun demikian, fatwa rasmi kerajaan juga hendaklah tidak lari daripada mengambil pandangan yang paling *rajih* iaitu berdasarkan kepada dalil, *masalahah* dan *maqasid al-syari’ah* supaya menjadi kuat dan kukuh. Ini bagi memastikan perbezaan pandangan antara para *fuqaha*’ tidaklah besar jurangnya dan ia merupakan pandangan

yang diterima oleh sebahagian besar *fuqaha'* semasa (al-Zuhaili, 2005). Justeru, penyeragaman pandangan ini dapat dilakukan dalam keadaan yang lebih damai (*reconciliation*) dan seterusnya memastikan proses penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam dapat dijalankan dengan saksama (el-Muhammady, 1992).

Secara tidak langsung, kerigidan pada sesebuah mazhab tidak terlalu menyekat ahli *ijtihad* sehingga mengurangkan dominasi *taqlid* dan sikap ekstrem kepada fatwa mazhab masing-masing sahaja (al-Qaradawi, 2004). Justeru, semangat keterbukaan dan pendekatan reformisme bagi menghadkan ikatan *taqlid* secara berlebihan khususnya dalam metodologi pengeluaran sesuatu fatwa perlu dimiliki oleh mujtahid pada masa kini bagi melahirkan fatwa yang seragam, seimbang dan saksama untuk dikuatkuasakan ke atas masyarakat dan negara (Naemah, 2003).

METODOLOGI

Melalui kajian kepustakaan, para pengkaji telah mengumpulkan maklumat mengenai konsep fatwa dan *ijtihad* serta kaedah *mura'ah al-khilaf* dan penyeragaman fatwa melalui buku dan jurnal. Di samping itu, para pengkaji juga mengumpulkan semua maklumat mengenai Jabatan Mufti Negeri Perlis, enakmen pentadbiran serta metodologi fatwa negeri Perlis melalui buku, jurnal dan laman sesawang rasmi. Kemudian data-data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Menurut Smith (2012), analisis dokumen adalah kaedah mendapatkan maklumat yang relevan dari bahan bercetak dalam bentuk dokumen.

HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Institusi fatwa rasmi di negeri Perlis diwujudkan pada tahun 1948 semasa tertubuhnya undang-undang tubuh Kerajaan Perlis. Dalam undang-undang tersebut menyatakan bahawa Raja Pemerintah boleh menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIPs) bagi membantu dan menasihatinya dalam perkara yang

berkaitan agama dan adat istiadat melayu. Sejak tertubuhnya MAIPs, segala masalah berkaitan urusan agama yang timbul dan memerlukan jawapan fatwa, maka akan dibawa masuk ke dalam mesyuarat Majlis, dibincangkan dan ditetapkan fatwa. Mufti secara individu bertindak menetapkan sesuatu fatwa sebelum MAIPs memperakukannya bagi tujuan pewartaan (Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948).

Pada tahun 1964, satu undang-undang yang berkaitan dengan cara pentadbiran agama Islam dan adat istiadat Melayu (MAIPs) diluluskan iaitu Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964. Pada Bahagian II, Fasal 8, Perkara 1 undang-undang tersebut menyatakan tentang kewujudan satu jawatankuasa, fungsi dan keahliannya (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964). Kemudian, wujud satu jawatankuasa rasmi dan berautoriti dalam urusan fatwa di negeri Perlis dengan nama Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis (JSNP). Jawatankuasa ini bertindak sebagai penasihat kepada MAIPs dalam perkara yang berkaitan fatwa. Fasal 8, Perkara 1 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964 menyatakan: *“(1) Bagi maksud menasihatkan Majlis di atas sebarang perkara berkaitan dengan suatu fatwa yang hendak dikeluarkan menurut syarat-syarat yang disebutkan di atas, hendaklah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Syariah yang mengandungi: - (a) Mufti; (b) Dua orang Ahli Majlis; (c) Dua orang yang beragama Islam ahli Sunnah Waljamaah tetapi mereka ini bukanlah daripada Ahli Majlis”* (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis, 1964). Justeru, segala isu dan permasalahan yang berkaitan dengan hal ehwal Islam di negeri Perlis akan melalui jawatankuasa ini dahulu untuk dibincangkan dengan teliti sebelum diluluskan oleh pihak MAIPs sebagai fatwa rasmi.

Pada tahun 1988, pindaan telah dibuat pada Fasal 8 berkaitan dengan jumlah keahlian Jawatankuasa Syariah. Jumlah keahlian lama iaitu seramai lima (5) orang telah ditambah kepada jumlah yang lebih besar iaitu tujuh (7) orang melibatkan Mufti sebagai pengerusi, tiga (3) orang daripada kalangan Ahli Majlis Agama Islam dan tiga (3) orang alim ulama yang bukan daripada kalangan Ahli Majlis (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964 pindaan 1988).

Pada tahun 1996, ditubuhkan Jabatan Mufti Negeri Perlis. Sebelumnya, pegawai-pegawai yang ditugaskan dalam urusan fatwa ditempatkan di Bahagian Fatwa, Jabatan Agama Islam Negeri Perlis. Namun pada tahun tersebut, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan satu pekeliling mengenai pengasingan bahagian fatwa daripada Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia. Hasilnya ialah penubuhan Jabatan Mufti Negeri Perlis diketuai oleh Sahibus Samahah Mufti sebagai ketua Jabatan (Laman Web Jabatan Mufti Perlis). Menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 2010), antara peranan Jabatan Mufti yang berkaitan dengan urusan fatwa adalah seperti berikut:

- i. Membantu dan menasihati Ketua Agama Negeri dan Kerajaan Negeri dalam perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Islam
- ii. Mengkaji dan mengeluarkan fatwa terhadap isu yang memerlukan penjelasan hukum syarak
- iii. Menjalankan penyelidikan dalam pembangunan fatwa
- iv. Pewartaan fatwa
- v. Menjelaskan dan menjalankan pendidikan fatwa kepada masyarakat.

Pada tahun 2006, digubal Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006 yang mana ia telah memberi banyak penambahbaikan kepada enakmen 1964, antaranya melibatkan peruntukan berkaitan badan-badan dan institusi fatwa di peringkat negeri Perlis. Dalam Enakmen 1964 telah memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Syariah sebagai penasihat kepada MAIPs dalam perkara yang berkaitan fatwa. Sementara dalam Enakmen 2006, nama Jawatankuasa tersebut telah ditukar kepada nama baru iaitu Jawatankuasa Fatwa. Fasal 46, Perkara 1 menjelaskan: “*Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa*” (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006).

Penambahbaikan tersebut telah menyebabkan keahlian Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis telah ditambah daripada tujuh (7) orang kepada sembilan (9) orang dengan penambahan daripada aspek alim ulama sebagai pakar rujuk, pengurusan fatwa dengan memasukkan Timbalan Mufti dan pentadbiran institusi fatwa dengan kewujudan pegawai dari Jabatan Mufti sebagai setiausaha. Dalam Fasal 46, Perkara 2 menyatakan: *“Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada – (a) Mufti, sebagai Pengerusi; (b) Timbalan Mufti; (c) Enam orang lain yang beragama Islam Ahli Sunnah Waljama’ah termasuk tidak lebih daripada tiga orang anggota Majlis yang dilantik oleh Majlis; dan (d) seorang pegawai daripada Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai Setiausaha”* (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006).

METODOLOGI PENETAPAN FATWA

Metodologi penetapan fatwa di negeri Perlis telah ditetapkan berdasarkan tafsiran yang telah diputuskan berkenaan maksud sebenar dua peruntukan yang ada di negeri Perlis. Dua peruntukan undang-undang tersebut ialah:

- i. Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis (Laws of The Constitution of Perlis) 1948, Bahagian 2, Perkara 5, Ayat 1 menyatakan: *“The Religion of the State shall be the Muslim Religion Ahli Sunnah Waljama’ah as heretofore professed and practiced in the State”* (Agama bagi negeri ialah agama Islam Ahli Sunnah Waljama’ah seperti yang diamalkan di dalam Negeri)”).
- ii. Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1964, Bahagian 2, Perkara 7, Ceraian 4 juga menyatakan: *“Tatkala Majlis mengeluarkan fatwa dan Jawatankuasa Syariah memberi pendapatnya, maka hendaklah badan itu mengikut al-Quran dan Sunnah Rasul Allah S.W.T.”*

Secara asasny, kedua-dua isi kandungan peruntukan ini tidak menjelaskan secara terperinci dasar-dasar yang perlu diambil oleh badan-badan yang berperanan dalam memutuskan fatwa. Oleh itu, Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis yang telah bersidang

dan bermuzakarah bagi menetapkan maksud *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* serta dalam masa yang sama menjelaskan metodologi fatwa di negeri Perlis berasaskan ASWJ yang merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah. JSNP pada tahun 1970 dengan persetujuan MAIPs telah mengeluarkan satu fatwa berkenaan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan dasar-dasar dalam ambilan sumber hukum bagi sesuatu fatwa yang dikeluarkan, serta kedudukan pegangan kepada mazhab fekah. Perkara ini merupakan salah satu bentuk penambahbaikan kepada metodologi penetapan fatwa di negeri Perlis.

Perkara pertama yang ditambahbaik ialah berhubung dengan sumber rujukan hukum. Berdasarkan keputusan Fatwa Mengenai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang dikeluarkan oleh MAIPs, sumber-sumber rujukan hukum yang menjadi asas ambilan dan pertimbangan pandangan JSNP adalah seperti berikut: *“Dalam menimbang untuk mengeluarkan sesuatu fatwa, Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis berpandukan fatwanya itu atas dasar-dasar yang di bawah ini mengikut keutamaan seperti berikut (Dahaman, 2005; Asni et al., 2021):*

1. Al-Quran al-Karim
2. Hadith *Sahih*
3. *Ijma' Sahabat*
4. Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW
5. Hadith *Mursal* dan *Daif*
6. *Qiyas* ketika darurat
7. *Masalih Mursalah*
8. *Sad al-Dharai'*
9. *Istihsan* dan *Istishab*
10. *'Uruf*
11. *Qawa'id Fiqhiyyah*

Manakala perkara kedua yang ditambahbaik dalam metodologi penetapan fatwa negeri Perlis ialah keterikatan fatwa dengan mazhab tertentu. Berdasarkan keputusan

fatwa berkaitan tafsiran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, JSNP telah memutuskan bahawa semua badan berautoriti fatwa di negeri Perlis sama ada MAIPs, JSNP/JFNP dan lain-lain tidak terikat dengan mana-mana mazhab tertentu (Dahaman, 2005). Hal ini bermaksud bahawa badan-badan berautoriti fatwa di negeri Perlis perlu mengambil kira kesemua mazhab-mazhab muktabar seperti Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali ketika mana ingin menetapkan sesuatu fatwa. Dalam masa yang sama, penerimaan dan pengambilan pendapat terhadap sesuatu mazhab perlu mempunyai sandaran yang kuat daripada al-Quran dan al-Sunnah serta *Ijma'* Sahabat Rasulullah. Pendirian ini jelas termaktub di dalam keputusan fatwa tersebut seperti berikut; *"Di dalam mazhab mana pun yang jelas dan nyata pendapat mereka itu dari kitab Allah atau Sunnah Rasulnya atau Jamaah Sahabat Rasulullah s.a.w, maka Majlis sedia menerima dan beramal dengannya."* Pernyataan di atas ditambah lagi dengan menyatakan: *"Adapun mazhab-mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali pada pandangan rasmi Majlis adalah terhitung di dalam mazhab-mazhab yang muktabar yang tergolong di dalam istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Majlis Agama Islam Perlis memang berpandukan kepada mazhab itu dan mengambil pendapat mereka yang ada alasan daripada al-Quran, al-Sunnah dan Jamaah Sahabat Rasulullah SAW"*.

Berdasarkan kepada pertubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIPs) yang dinaungi oleh Raja Pemerintah Negeri Perlis serta memberikan kuasa kepada Jabatan Mufti Negeri Perlis yang diketuai oleh Mufti dalam hal ehwal fatwa. Justeru apabila berlaku pertentangan pendapat atau fatwa di antara umat Islam di Negeri Perlis dengan Jabatan Mufti Negeri Perlis, maka umat Islam di negeri Perlis perlu meraikan dan mengutamakan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis. Demikian juga apabila berlaku perselisihan pendapat fatwa di kalangan ahli jawatankuasa fatwa, maka sebahagiannya perlu meraikan sebahagian yang lain agar sesuatu fatwa dapat diputuskan.

Meraikan pendapat tersebut dibenarkan di atas pelbagai faktor antaranya ialah menepati kehendak syarak dan *siyasah shar'iyah*, taat kepada pemerintah dan undang-

undang. Justeru, sekiranya seseorang itu mampu untuk berijtihad dan ijtihadnya berlawanan dengan fatwa rasmi, maka ia perlu meraikan fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis. Selain itu, fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis mempunyai kualiti yang tinggi di mana ia melibatkan komposisi yang terdiri daripada ramai alim ulama serta berdasarkan kepada metodologi penetapan fatwa yang kukuh. Meraikan fatwa ini membawa beberapa faedah yang besar iaitu menunjukkan kesatuan umat Islam, mengikut fatwa yang maraikan masalah serta kepentingan umum.

PENUTUP

Konsep *ijtihad* membenarkan setiap individu yang layak untuk berijtihad, mengeluarkan *ijtihad* atau fatwa. Hal ini juga disokong oleh kaedah *fiqh* “*ijtihad tidak boleh membatalkan ijtihad yang lain*”. Hal ini membawa kesan yang besar apabila ramai pihak mengeluarkan fatwa, maka akan terdapat banyak fatwa dikeluarkan sehingga boleh menyebabkan kepelbagaian fatwa sehingga membawa kepada pengeluaran fatwa-fatwa yang pelik dan syaz. Justeru, kajian ini ingin menggunakan pendekatan kaedah *mura'ah al-khilaf* dalam menyelesaikan kepelbagaian fatwa yang dikeluarkan oleh ramai pihak terutama di negeri Perlis melalui peranan Jabatan Mufti Negeri Perlis.

Hasil kajian mendapati bahawa berdasarkan kaedah *mura'ah al-khilaf*, seseorang itu dibenarkan untuk meraikan fatwa atau *ijtihad* yang berbeza dengannya. Hasil kajian juga mendapati bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis adalah fatwa yang perlu diraikan dan diikuti berdasarkan kepada beberapa faktor iaitu menepati kehendak syarak dan *siyasah syar'iyah* serta taat kepada pemerintah dan undang-undang. Selain itu, fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis mempunyai kualiti yang tinggi di mana ia melibatkan komposisi yang terdiri daripada ramai para ulama serta berdasarkan kepada metodologi penetapan fatwa yang kukuh.

RUJUKAN

- Abu Dawud, S. S. (2009). *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar al-Risalah al-‘Ilmiyyah
- Al-‘Attar, A. T. (1993). *Tatbiq al-Shari’ah al-Islamiyyah fi al-‘Alam al-Islami*. Qaherah: Dar al-Fadilah
- Al-Amidi, S. M. (2003). *Muntaha al-Sul fi ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Anbari, A. R. A. (1987). *Mansib Qadi al-Qudah fi al-Dawlah al-‘Abbasiyyah*. Beirut: al-Dar al-‘Arabiyyah li al-Mawsu’ah
- Al-Ansari, F. (2010). *al-Mustalah al-Usuli ‘Inda al-Shstibi*. Qaherah: Dar al-Salam
- Al-Asbahani, A. A. M. (1996). *Hilyah al-Auliya’ wa Tabaqat al-Asfiya’*. Beirut: Dar al-Fikr
- Al-Bukhari, M. I. (1422H). *Sahih al-Bukhari*. Jiddah: Dar Tauq al-Najah
- Al-Dhahabi, S. M. A. (1985). *Siyar A’lam al-Nubala’*. Beirut: Muassasah al-Risalah
- Al-Dusuqi, M. (n.d.). *al-Ijtihad fi al-Fiqh al-Islami*. Qaherah: al-Majlis al-A’la li Shu’un al-Islamiyyah
- Al-Fahri, I. F. (2001). *Mafhum al-Ijma’ ‘inda al-Imam al-Shafi’i, Dirasah Mustalahiyyah*. Qaherah: Dar al-Salam
- Al-Ghazali, M. M. (1997). *al-Mustasfa fi ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Muassasah al-Risalah
- Al-Humawi, Y. A. (n.d.). *Mu’jam al-Buldan*. Beirut: Dar al-Fikr
- Al-Husayn, W. A. (2009). *I’tibar Ma’alat al-Af’al wa Atharuha al-Fiqhi*. Riyadh: Dar al-Tadmuriyyah.
- Al-Juwaini, A. M. A. (1997). *al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Manjur, A. A. (n. d.). *Sharh al-Manhaj al-Muntakhab*. Riyadh: Dar al-Shanqiti
- Al-Mawardi, A. M. H. (1986). *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaibah
- Al-Muhamid, S. A. H. (2001). *Masirah al-Fiqh al-Islami al-Mu’asir*. Urdun: Dar ‘Ammar
- Al-Muraghi, M. M. (2011). *al-Ijtihad fi al-Islam*. Jiddah: Maktabah Kunuz al-Ma’rifah
- Al-Nadwi, A. A. (2009). *al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*. Dimashq: Dar al-Qalam

- Al-Qaradawi, Y. (1996). *Fiqh al-Awlawiyyat*. Qaherah: Maktabah Wahbah
- Al-Qaradawi, Y. (2004). *Sanggahan Salah Tafsiran Islam, Translated by Abdul Rahman Rukaini*. Kajang: Synergymate Sdn. Bhd
- Al-Qaradawi, Y. (2011). *Madkhal li Dirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Qaherah: Maktabah Wahbah
- Al-Qasimi, J. (1406H). *al-Fatwa fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Qayyim, M. A. (1973). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Jil
- Al-Qurtubi, M. A. (n.d.). *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Qaherah: al-Hai'ah al-Misriyyah
- Al-Risa', M. A. (1993). *Sharh Hudud Ibn 'Urfah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami
- Al-Shahid, A. A. (2005). *Hujjah Allah al-Balighah*. Beirut: Dar al-Jil
- Al-Shatibi, I. M. (1997). *al-Muwafaqat*. Sa'udi: Dar Ibn 'Affan
- Al-Shaukani, M. A. (1396H). *Al-Qawl al-Mufid fi Adillah al-Ijtihad wa al-Taqlid*. Kuwait: Dar al-Qalam
- Al-Shaukani, M. A. (1999). *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haq min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi
- Al-Shikh, M. A. S. (2002). *Mura'ah al-Khilaf fi al-Madhahib al-Maliki*. Dubai: Dar al-Buhuth
- Al-Subki, T. A. (1991). *al-Asybah wa al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Tha'alabi, M. H. (2012). *al-Fikr al-Sami fi Tarikh al-Fiqh al-Islami*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah
- Al-Yusuf, S. S. (1430H). *al-Ijtihad la Yanqudu bi al-Ijtihad, dirasah ta'siliyyah wa tatbiqiyyah*. *Majallah al-'Adl*, 44, h. 18 – 70
- Al-Zarqa', M. (1995). *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Dimashq: Dar al-Qalam
- Al-Zarqa', M. A. (1999). *Fatawa*. Dimashq: Dar al-Qalam
- Al-Zuhaili, W. (2014). *Juhud Taqnin al-Fiqh al-Islami*. Dimashq: Dar al-Fikr
- Asni, F. (2020). Management of fatwa standardisation on the practice of bay'inah contract in Malaysia: an analysis according to usul al-Fiqh and mura'ah al-Khilaf method. *Qualitative Research in Financial Markets*.

- Asni, F. (2021). The Role of Mura'ah al-Khilaf Epistemology in the Standardisation of Fatwa: An Analysis at the Perlis State Mufti Department. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(10), 144-156.
- Asni, F. A. H. M. (2016a). *Fatwa Tentang Pindah Milik Harta: Kajian Terhadap Penyeragamannya Di Malaysia. Masters Dissertation*. Universiti Sains Malaysia.
- Asni, F. A. H. M. (2017). Al-Syatibi Methodology Analysis in the Unification of Usul Al-Fiqh Methods. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(7), 260-268.
- Asni, F., & Sulong, J. (2021). The mura'ah al-khilaf and ma'alat method in fatwa decisions: its application for fatwa coordination related to conditional hibah in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.
- Asni, F., Yusli, A. Y., & Umar, A. I. (2021). The Role of The Perlis State Mufti Department in Restraining Covid-19 Through Fatwas and Legal Guidelines. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(10), 311-328.
- Asni, M. F. A. H. M., & Sulong, J. (2016b). Fatwa Berhubung Wasiat Wajibah Dan Keseragaman Peruntutannya Dalam Fatwa Negeri-Negeri Di Malaysia. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 5(1), 1 – 15.
- Asni, M. F. A. H. M., & Sulong, J. (2017). Fatwa Coordination between States: Analysis Of The Practices Of Standardization And Its Method In Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9(1), 86-109.
- Asni, M. F. A. H. M., & Sulong, J. (2017). Standardisation of Fatwa Regarding Waqf Issues in Malaysia: A Literature Review. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9(1), 110-128.
- Dahlan., M. A. (2005). *Metode fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: kajian berasaskan fatwa-fatwa tahun 1990-2000* (Doctoral dissertation, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- El-Muhammady, A. H. (1992). Ikhtilaf and its development in Malaysia. *International Islamic University Law Journal*, 2(2), 54-55.

- Ibn ‘Abidin, M. A (1386H). *Raddu Al-Mukhtar ‘Ala Al-Durri Al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr
- Jaddiyyah, U. (2010). *Asl I’tibar al-Maal baina al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. Beirut: Dar Ibn Hazm
- Kathir, I. U. (1988). *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi
- Khudzri, W. A. R. (2006). *Analisis Penggunaan Kaedah Istinbat Dalam Penetapan Fatwa Di Malaysia: Kajian Di Jabatan-Jabatan Mufti Terpilih*. PhD Dissertation, Department of Islamic Studies, School of Humanities, USM.
- Malik, M. (2005). *Talfiq: Mengamal Pelbagai Mazhab*. Selangor: Karya Bestari
- Mamat, Z., Mohamad, M. N., & Hashim, H. (2013). Pengurusan muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri: Satu analisis persamaan dan perbezaan fatwa tahun 2000–2009. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 20(2), 145-166.
- Manzur, M. M. (n.d.). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadir
- Mohamad, M. N., & Mamat, Z. (2014). Penerimaan dan Penyelarasan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia oleh Negeri-Negeri. *Journal of Fatwa Management and Research*, 4, 33-66.
- Musa, A. Q. I. (1983). *Tartib al-Madarik wa Taqrib al-Masalik*. al-Maghrib: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu’un al-Islamiyyah
- Musa, S. M. (n.d.). *al-Ijtihad wa Mada Hajatuna fi Hadha al-‘Asr*. Qaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah
- Naemah Abd Rahman. (2003). *Fatwa Jemaah Ulamak Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis*. PhD Dissertation, Department Fiqh and Usul, School of Islamic Studies Universiti Malaya
- Nasohah, Z., Laluddin, H., Kusrin, Z. M., & Muwazir, R. (2012). Standardisation of fatwa in Malaysia: management and problems. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(6), 923-930.
- Shaqrūn. M. A. (2002). *Mura’ah al-Khilaf ‘Inda al-Malikiyyah wa Atharuhu fi al-Furu’ al-Fiqhiyyah*. Dubai: Dar al-Buhuth li al-Dirasat al-Islamiyyah

- Sulong, J. (2014). Pemikiran Epistemologi IlmuAbd Allah Ibn al-Muqaffa' dalam Penyeragaman Undang-Undang: Pengaruhnya di Malaysia. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 97-130.
- Yusli, A. Y., Asni, F., & Umar, B. A. I. (2021). The Role of Fiqh Method in Strengthening Fatwa Related to Vaccine Injection for Prevent Covid-19 by Perlis State Mufti. *Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8), 1439-1449.
- Zaidan, A. K. (2003). *al-Madkhal li Dirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah